



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 58

3hb Julai 2014

No. 14

No. 525.

AKTA BINATANG 1953
(Akta 647)

ANIMALS ACT 1953
(Act 647)

PELANTIKAN DAN PEMBATALAN PELANTIKAN
DI BAWAH SEUBSEKSYEN 3(2)

APPOINTMENT AND REVOCATION OF APPOINTMENT
UNDER SUBSECTION 3(2)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(2) Akta Binatang 1953 [*Akta 647*], Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang telah melantik pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan seperti yang dinyatakan dalam ruang (2) mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3).

In exercise of the powers conferred by subsection 3(2) of the Animals Act [*Act 647*], the Yang di-Pertua Negeri of Penang has appointed the officers named in column (1) of the Schedule to hold the posts as specified in column (2) with effect from the dates specified in column (3).

JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)	(3)
Dr. Johari bin Haji A. Bakar	Pengarah/ <i>Director</i>	3-1-2012
Dr. Syamsul binti Azizan	Pegawai Veterinar/ <i>Veterinary Officer</i>	6-4-2012

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

700

[3hb Julai 2014

(1)	(2)	(3)
Dr. Choo Li Chen	Pegawai Veterinar/ <i>Veterinary Officer</i>	16-4-2012
Mohammad Firdaus bin Mat Ludin	Penolong Pegawai Penguatkuasa/ <i>Assistant Enforcement Officer</i>	1-7-2012
Dr. Shahaza binti Othman	Pegawai Veterinar/ <i>Veterinary Officer</i>	1-10-2013
Dr. Nor Azhani binti Kamarudin	Pegawai Veterinar/ <i>Veterinary Officer</i>	1-12-2013
Dr. Madihah Rauza binti Ahmad Salimi	Pegawai Veterinar/ <i>Veterinary Officer</i>	2-1-2014
Dr. Shahrul Akmar bin Talib	Pegawai Veterinar/ <i>Veterinary Officer</i>	2-1-2014
Nurul Aina binti Abdullah	Penolong Pegawai Veterinar/ <i>Assistant Veterinary Officer</i>	17-2-2014
Edi Zulfakar bin Ismail	Penolong Pegawai Veterinar/ <i>Assistant Veterinary Officer</i>	17-2-2014
Haslidawati binti Maihad	Penolong Pegawai Veterinar/ <i>Assistant Veterinary Officer</i>	17-2-2014
Nur Harzilawani binti Abd. Haris	Penolong Pegawai Veterinar/ <i>Assistant Veterinary Officer</i>	17-2-2014
Hemalatha a/p Loganathan	Penolong Pegawai Veterinar/ <i>Assistant Veterinary Officer</i>	17-2-2014
Juliza binti Ahmad	Penolong Pegawai Veterinar/ <i>Assistant Veterinary Officer</i>	17-2-2014
Kumarran a/l Arumugam	Penolong Pegawai Veterinar/ <i>Assistant Veterinary Officer</i>	17-2-2014

(1)	(2)	(3)
Mohd Nadzri bin Ahmad	Penolong Pegawai Veterinar/ <i>Assistant Veterinary Officer</i>	17-2-2014
Muhamad Rohimuddin bin Khairudin	Penolong Pegawai Veterinar/ <i>Assistant Veterinary Officer</i>	17-2-2014
Nor Izzati binti Amir	Penolong Pegawai Veterinar/ <i>Assistant Veterinary Officer</i>	17-2-2014
Norshahfizawati binti Sukri	Penolong Pegawai Veterinar/ <i>Assistant Veterinary Officer</i>	17-2-2014
Shukri bin Ahmad	Penolong Pegawai Veterinar/ <i>Assistant Veterinary Officer</i>	17-2-2014
Zamri bin Jamaludin	Penolong Pegawai Veterinar/ <i>Assistant Veterinary Officer</i>	17-2-2014
Rusydi Abdul Hafiz bin Rozaini	Penolong Pegawai Veterinar/ <i>Assistant Veterinary Officer</i>	17-2-2014
Zulkifli bin Din	Penolong Pegawai Veterinar/ <i>Assistant Veterinary Officer</i>	17-2-2014
Yahaya bin Saad	Penolong Pegawai Veterinar/ <i>Assistant Veterinary Officer</i>	17-2-2014
Rosniemy bin Ramli	Penolong Pegawai Veterinar/ <i>Assistant Veterinary Officer</i>	17-2-2014

(1)	(2)	(3)
Hamizan bin Sarip	Penolong Pegawai Veterinar/ <i>Assistant Veterinary Officer</i>	17-2-2014
Norhafni binti Md. Talib	Penolong Pegawai Veterinar/ <i>Assistant Veterinary Officer</i>	17-2-2014
Muhd Rizal bin Zainal	Penolong Pegawai Veterinar/ <i>Assistant Veterinary Officer</i>	17-2-2014

Pembatalan pelantikan

2. Pelantikan pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual yang memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) sebagaimana yang telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang* yang dinyatakan dalam ruang (3) adalah dibatalkan.

Revocation of appointment

2. The appointment of the officers named in column (1) of the Schedule who hold the office specified in column (2) as published in the *Gazette* of the State Government of Penang specified in column (3) are revoked.

JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)	(3)
Dr. Marzuki bin Zakaria	Pegawai Veterinar/ <i>Veterinary Officer</i>	<i>Warta</i> No. 762 bertarikh 28-10-2010 <i>Gazette No. 762 dated 28-10-2010</i>
Dr. Shamshad binti Begum Shafiee	Pegawai Veterinar/ <i>Veterinary Officer</i>	<i>Warta</i> No. 762 bertarikh 28-10-2010 <i>Gazette No. 762 dated 28-10-2010</i>
Dr. Ismail Khan bin Gulzar Mohd	Pegawai Veterinar/ <i>Veterinary Officer</i>	<i>Warta</i> No. 762 bertarikh 28-10-2010 <i>Gazette No. 762 dated 28-10-2010</i>

(1)	(2)	(3)
Dr. Inirah binti Che Ishak	Pegawai Veterinar/ <i>Veterinary Officer</i>	Warta No. 762 bertarikh 28-10-2010 <i>Gazette No.</i> 762 dated 28-10-2010
Salmah binti Mahmud	Penolong Pegawai Veterinar/ <i>Assistant Veterinary Officer</i>	Warta No. 762 bertarikh 28-10-2010 <i>Gazette No.</i> 762 dated 28-10-2010
Haji Hamid bin Haji Sulaiman	Penolong Pegawai Veterinar/ <i>Assistant Veterinary Officer</i>	Warta No. 762 bertarikh 28-10-2010 <i>Gazette No.</i> 762 dated 28-10-2010
Noriah binti Dahlan	Penolong Pegawai Veterinar/ <i>Assistant Veterinary Officer</i>	Warta No. 762 bertarikh 28-10-2010 <i>Gazette No.</i> 762 dated 28-10-2010
Dr. Ahmd Shukri bin Abdullah	Pengarah/ <i>Director</i>	Warta No. 528 bertarikh 4-8-2011 <i>Gazette No.</i> 528 dated 4-8-2011
Nor Aisha Wani Azma binti Ismail	Penolong Pegawai Veterinar/ <i>Assistant Veterinary Officer</i>	Warta No. 528 bertarikh 4-8-2011 <i>Gazette No.</i> 528 dated 4-8-2011

Bertarikh 5 Jun 2014

Dated 5 June 2014

[PSUKPP/(R)/01/1011/9; PUNPP(R) 152.100-1/1/54]

VIJAYALAKCHIMI A/P SUBRAMANIAM
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pulau Pinang/
Clerk of
State Executive Council
Penang

AKTA PEMULIHARAAN TANAH 1960
(Akta 385)

LAND CONSERVATION ACT 1960
(Act 385)

No. 526.

PEMBATALAN PERISYTIHARAN TANAH BUKIT
REVOCATION OF DECLARATION OF HILL LAND

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Pemuliharaan Tanah 1960 [Akta 385], Yang di-Pertua Negeri dalam Mesyuarat membatalkan pengisytiharan tanah bukit setakat yang berkenaan seperti yang dinyatakan dalam Jadual dan dipetakan di atas Peta No. P.W. 2012 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan, Pulau Pinang yang telah diisytiharkan sebagai tanah bukit sebagaimana yang disiarkan dalam Pemberitahuan *Warta* No. 4 bertarikh 5 September 1957.

In exercise of the powers conferred by section 3 of the Land Conservation Act 1960 [Act 385], the Yang di-Pertua Negeri in Council revokes the declaration of hill land in so far as it relates to land as specified in the Schedule and delineated upon Plan No. P.W. 2012 as deposited in the Department of Survey and Mapping Penang, which has been declared to be hill land as published in the *Gazette* Notification No. 4 dated 5 September 1957.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Seberang Perai Tengah. Mukim/*Township*—12. No. Lot/*Lot No.*—1690. Jenis dan No. Hakmilik/*Description and No. of Title*—Geran Mukim No. 987. Luas/*Area*—0.9491 hektar/*hectares*.

Bertarikh 2 Jun 2014

Dated 2 June 2014

[PTG/TB/SPT/116; PTSPT/TB/2/2012; PUNPP 352/100/1/2/EA/31]

VIJAYALAKCHIMI A/P SUBRAMANIAM
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pulau Pinang/
Clerk of
State Executive Council
Penang

No. 527.

PEMBATALAN PERISYTIHARAN TANAH BUKIT
REVOCATION OF DECLARATION OF HILL LAND

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Pemuliharaan Tanah 1960 [Akta 385], Yang di-Pertua Negeri dalam Mesyuarat membatalkan pengisytiharan tanah bukit setakat yang berkenaan seperti yang dinyatakan dalam Jadual dan dipetakan di atas Peta No. P.W. 2015 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan, Pulau Pinang yang telah diisytiharkan sebagai tanah bukit sebagaimana yang disiarkan dalam Pemberitahuan *Warta* No. 4 bertarikh 5 September 1957.

In exercise of the powers conferred by section 3 of the Land Conservation Act 1960 [Act 385], the Yang di-Pertua Negeri in Council revokes the declaration of hill land in so far as it relates to land as specified in the Schedule and delineated upon Plan No. P.W. 2015 as deposited in the Department of Survey and Mapping Penang, which has been declared to be hill land as published in the *Gazette* Notification No. 4 dated 5 September 1957.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/ <i>District</i>	No. Lot/ <i>Lot. No.</i>	Mukim/ <i>Township</i>	Jenis dan No. Hakmilik/ <i>Description and No. of Title</i>	Keluasan/ <i>Area</i>
				Hektar/ <i>Hectares</i>
Seberang Perai Tengah	1748	15	Geran Mukim No. 417	1.734
	1750	15	Geran Mukim No. 162	1.430

Bertarikh 2 Jun 2014

Dated 2 June 2014

[PTG/TS/SPT/785; PTSPT/E/3/2011; PUNPP 352/100/1/2/EA/31]

VIJAYALAKCHIMI A/P SUBRAMANIAM
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pulau Pinang/
Clerk of
State Executive Council
Penang

No. 528.

PEMBATALAN PERISYTIHARAN TANAH BUKIT

REVOCATION OF DECLARATION OF HILL LAND

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Pemuliharaan Tanah 1960 [Akta 385], Yang di-Pertua Negeri dalam Mesyuarat membatalkan pengisytiharan tanah bukit setakat yang berkenaan seperti yang dinyatakan dalam Jadual dan dipetakan di atas Peta No. P.W. 2014 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan, Pulau Pinang yang telah diisytiharkan sebagai tanah bukit sebagaimana yang disiarkan dalam Pemberitahuan *Warta* No. 125 bertarikh 9 Jun 1960.

In exercise of the powers conferred by section 3 of the Land Conservation Act 1960 [Act 385], the Yang di-Pertua Negeri in Council revokes the declaration of hill land in so far as it relates to land as specified in the Schedule and delineated upon Plan No. P.W. 2014 as deposited in the Department of Survey and Mapping Penang, which has been declared to be hill land as published in the *Gazette* Notification No. 125 dated 9 June 1960.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/ <i>District</i>	No. Lot/ <i>Lot. No.</i>	Mukim/ <i>Township</i>	Jenis dan No. Hakmilik/ <i>Description and No. of Title</i>	Keluasan/ <i>Area</i>
				Hektar/ <i>Hectares</i>
Seberang Perai Tengah	398	17	Geran Mukim No. 669	3.367
	399	17	Geran Mukim No. 308	1.696
	870	17	Geran Mukim No. 421	0.5053
	868	17	Geran Mukim No. 1133	0.7793
	1561	17	Geran Mukim No. 123	2.217

Bertarikh 2 Jun 2014

Dated 2 June 2014

[PTG/TS/SPT/825; PTSPT/E/21/2012; PUNPP 352/100/1/2/EA/31]

VIJAYALAKCHIMI A/P SUBRAMANIAM
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pulau Pinang/
Clerk of
State Executive Council
Penang

No. 529.

PEMBATALAN PERISYTIHARAN TANAH BUKIT

REVOCATION OF DECLARATION OF HILL LAND

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Pemuliharaan Tanah 1960 [Akta 385], Yang di-Pertua Negeri dalam Mesyuarat membatalkan pengisytiharan tanah bukit setakat yang berkenaan seperti yang dinyatakan dalam Jadual dan dipetakan di atas Peta No. P.W. 2017 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan, Pulau Pinang yang telah diisytiharkan sebagai tanah bukit sebagaimana yang disiarkan dalam Pemberitahuan Warta No. 214 bertarikh 20 November 1948.

In exercise of the powers conferred by section 3 of the Land Conservation Act 1960 [Act 385], the Yang di-Pertua Negeri in Council revokes the declaration of hill land in so far as it relates to land as specified in the Schedule and delineated upon Plan No. P.W. 2017 as deposited in the Department of Survey and Mapping Penang, which has been declared to be hill land as published in the *Gazette* Notification No. 125 dated 20 November 1948.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/ <i>District</i>	No. Lot/ <i>Lot. No.</i>	Mukim/ <i>Township</i>	Jenis dan No. Hakmilik/ <i>Description and No. of Title</i>	Keluasan/ <i>Area</i>
				Hektar/ <i>Hectares</i>
Seberang Perai Tengah	793	17	Geran Mukim No. 402	0.4645
	801	17	Geran Mukim No. 409	0.3510
	1768	17	Geran Mukim No. 536	0.5803
	1769	17	Geran Mukim No. 537	0.0833

Bertarikh 2 Jun 2014

Dated 2 June 2014

[PTG/TS/SPT/829; PTSPT/E/19/2012; PUNPP 352/100/1/2/EA/31]

VIJAYALAKCHIMI A/P SUBRAMANIAM
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pulau Pinang/
Clerk of
State Executive Council
Penang

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
 (NEGERI PULAU PINANG) 2004

No. 530.

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

FATWA MENGENAI HUKUM MENGGUNAKAN ASID
 DEOKSIRIBONUKLEIK (DNA) UNTUK MENENTUKAN STATUS
 NASAB ANAK

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2013 telah membincangkan tentang hukum menggunakan DNA untuk menentukan status nasab anak serta tempoh melaksanakan *li'an* untuk menafikan nasab anak. Mesyuarat telah membuat keputusan berdasarkan hujahan seperti yang berikut:

- (a) setelah meneliti keterangan, hujah dan pandangan yang dikemukakan, mesyuarat menegaskan bahawa Islam sangat menitikberatkan persolan nasab dan apabila telah ada dalil yang mengisbatkan nasab, maka penafiannya tidak boleh diterima melainkan dengan kaedah *li'an* kerana *li'an* telah sabit melalui al-Quran, al-Sunnah dan al-Ijma' dan merupakan suatu amalan *ta'abudiah*;

- (b) Mesyuarat juga menjelaskan bahawa Majma' al-Fiqh al-Islami yang telah bersidang pada 21–26 Syawal 1422 bersamaan 5–10 Januari 2002 telah memutuskan bahawa untuk mengisbatkan nasab, penggunaan DNA dibenarkan dan dilakukan atas perintah mahkamah hanya dalam kes pertelingkahan ketidaktahuan nasab anak atas pelbagai sebab, kekeliruan atau pertukaran anak di hospital atau pusat jagaan, kes bayi tabung uji serta dalam kes anak-anak yang hilang atas sebab bencana alam dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Majma' al-Fiqh al-Islami menetapkan bahawa DNA tidak boleh digunakan untuk menafikan nasab anak apalagi digunakannya mendahului kaedah *li'an*;
- (c) Mesyuaarat menegaskan bahawa para *fuqaha'* telah bersepakat bahawa penafian nasab anak melalui kaedah *li'an* perlu dilakukan dengan kadar segera (*على الفور*) dan jika penafian nasab tidak dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan, maka gugurlah hak penafian nasab tersebut;
- (d) Mesyurat turut menegaskan bahawa merujuk kepada Mazhab Shafie, terdapat dua pandangan iaitu *qaul qadim* dan *qaul jadid*, *Qaul qadim* Imam Shafie menetapkan bahawa penafian hendaklah berlaku sejurus diketahui kelahiran bayi tersebut. Sekiranya penafian tidak dibuat, bermakna seseorang itu telah mengakui bahawa bayi tersebut adalah anaknya. Namun begitu, dalam *qaul jadid* penafian tidak semestinya secara terus. Ia memerlukan masa sebelum sesuatu keputusan diambil memandangkan ia merupakan satu perkara yang penting. Ia boleh ditangguhkan sehingga tiga hari dan penangguhan hanya boleh berlaku atas sebab keuzuran.
- (e) berdasarkan penegasan dan pandangan para ulama' mengenai tempoh segera bagi melakukan *li'an* untuk menafikan nasab anak. Mesyuarat berpandangan bahawa seseorang yang hendak melakukan *li'an* bagi penafian nasab anaknya perlu mempunyai tempoh waktu yang munasabah sebelum membuat keputusan demi mengelakkan sebarang kemudaratan yang mungkin berlaku;
- (f) Mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa tempoh segera bagi seseorang bapa yang hendak melakukan *li'an* bagi menafikan nasab anaknya adalah bermula daripada tarikh isterinya disahkan mengandung sehinggalah tiga (3) hari selepas bersalin. Penafian setelah tempoh munasabah tersebut adalah tertolak dan anak tersebut adalah sah dan sabit sebagai anaknya; dan
- (g) Mesyuarat juga bersetuju memutuskan supaya garis panduan untuk menjalankan ujian DNA oleh pihak berkuasa berkaitan hendaklah diperketatkan lebih-lebih lagi dalam isu untuk menafikan nasab kerana DNA hanya sekadar *qarinah* atau sokongan semata-mata dan tidak boleh dijadikan bukti utama.

Dibuat 27 Februari 2014

[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 2; PUNPP 352/100/1/2/E-A/1 Jld. 2]

Dengan Titah Perintah

DATO' SERI HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa
Pulau Pinang*

No. 531.

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

FATWA MENGENAI SOLAT JUMAAT DI SURAU PAYA KONGSI,
DAERAH BARAT DAYA

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2013 telah membincangkan tentang solat Jumaat yang dilaksanakan di Surau Paya Kongs, Daerah Barat Daya. Mesyuarat telah memutuskan untuk tidak membenarkan solat Jumaat dilaksanakan di surau tersebut kerana akan berlaku dua solat Jumaat dalam satu qaryah. Mesyuarat telah membuat keputusan berdasarkan hujahan seperti yang berikut:

- (a) jika berbilang-bilang solat Jumaat pada satu tempat tanpa keperluan, maka sahlah solat Jumaat yang terdahulu atau yang pertama dilaksanakan. Bagi menilai solat Jumaat manakah yang terdahulu didirikan ialah yang paling awal memulakannya dan bukannya yang paling awal selesai solatnya, kerana di antara syarat sah solat Jumaat ialah tidak boleh mendahului atau serentak takbiratul ihram antara satu solat Jumaat dengan solat Jumaat yang lain dalam satu tempat (pekan atau qaryah) kerana ditegah berbilang-bilang solat Jumaat pada satu tempat kecuali ahli jemaahnya ramai dan sukar untuk berhimpun di satu tempat, dan
- (b) oleh itu, solat Jumaat yang sah adalah solat Jumaat yang terdahulu takbiratul ihram imamnya daripada takbiratul ihram imam solat Jumaat yang lain. Maka, solat Jumaat yang terkemudian itu adalah tidak sah. Mereka hendaklah mendirikan solat Zohor.

(*Al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafie'*, Al-Ustaz al-Dktor Muhammad al-Zuhaily, *Juzu' Pertama*, Halaman 506–507, *Dar al-Qalam Dimasyq*. Cetakan ke-3, 2010M/1431M).

2. Sekiranya berlaku dua solat Jumaat dalam satu qaryah secara serentak atau syak solat Jumaat secara serentak dan dahulu, maka kedua-dua solat Jumaat itu menjadi tidak sah dan wajib semua jemaah tersebut berhimpun pada satu tempat untuk meaksanakan semula solat Jumaat dengan membaca dua khutbah sebelum solat jika waktunya masih panjang tetapi jika waktunya sudah pendek maka wajib solat Zohor.

3. Laporan daripada Pegawai Tadbir Agama Daerah Barat Daya menyatakan bahawa berdasarkan siasatan di lapangan, rekod jabatan dan rekod Arkib Negeri Pulau Pinang, Masjid Kongsi telah wujud sejak tahun 1882. Asalnya ia sebuah surau kayu sejak 1821 dan telah ditukarkan kepada masjid oleh Penghulu Balik Pulau iaitu Dato' Haji Bahaudin pada tahun 1882. Manakala Surau Paya Kongsi dipercayai wujud sejak tahun 1900 dan berkemungkinan telah dilaksanakan solat Jumaat sejak tahun 1925 setelah berlaku perselisihan faham. Surau Paya Kongsi juga tidak pernah diiktiraf sebagai masjid sebaliknya dikenali sebagai surau atau Madrasah Ansar As-Sunnah.

4. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang perlu mengambil tindakan segera supaya tidak berlaku dua solat Jumaat di dalam satu qaryah dan bagi mengelakkan tidak sah solat Jumaat bagi kedua-dua tempat berkenaan.

Dibuat 27 Februari 2014

[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 2(); PUNPP 352/100/1/2/E-A/1 Jld. 2]

Dengan Titah Perintah

DATO' SERI HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa
Pulau Pinang*

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

No. 532.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang hilang.

JADUAL

Mukim—2, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. No. Lot—399. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 117. Luas—28809.5679 meter persegi. No. Piawai—2-C-IV.

Bertarikh 10 Jun 2014
[PTSPU(D) 28/2014]

HAZZUL BIN ABU HASSAN
*Pentadbir Tanah
Seberang Perai Utara
Pulau Pinang*

No. 533.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran yang telah hilang.

JADUAL

Mukim—13, Daerah Timur Laut. No. Lot—3233. Jenis dan No. Hakmilik—Pajakan Mukim No. 5/M1/6/32. Unit Syer bagi Petak—35.

Bertarikh 10 Jun 2014
[PTTL/PP/HG/114]

ZANZILA BINTI ZAINOL ABIDIN
Pentadbir Tanah
Daerah Timur Laut
Pulau Pinang

No. 534.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran yang hilang (STRATA).

JADUAL

Mukim—13, Daerah Seberang Perai Tengah. No. Lot—2161. Jenis dan No. Hakmilik—Geran 82194/M2/2/95 STRATA. Luas—55 meter persegi.

Bertarikh 10 Jun 2014
[PTG/PB/STRATA/SP/12/Jld. 11 Klt. 24]

SURENTHARAN A/L RAMADAS
Pendaftar
Pulau Pinang

No. 535.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran yang hilang (STRATA).

JADUAL

Mukim—13, Daerah Timur Laut. No. Lot—8835. Jenis dan No. Hakmilik—Geran 39409/M1/3/8 STRATA. Luas—64.7 meter persegi.

Bertarikh 10 Jun 2014

[PTG/PB/STRATA/SP/12/Jld. 11 Klt. 25]

SURENTHARAN A/L RAMADAS
Pendaftar
Pulau Pinang

No. 536.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran yang hilang (STRATA).

JADUAL

Mukim—13, Daerah Timur Laut. No. Lot—6576. Jenis dan No. Hakmilik—Geran 6171/M2/10/230 STRATA. Luas—64 meter persegi.

Bertarikh 10 Jun 2014

[PTG/PB/STRATA/SP/12/Jld. 11 Klt. 26]

SURENTHARAN A/L RAMADAS
Pendaftar
Pulau Pinang

No. 537.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang/ rosak.

JADUAL

Bandar—Bukit Bendera, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. No. Lot—103.
Jenis dan No. Hakmilik—GRN 27862. Luas—17703.6743 meter persegi.

Bertarikh 10 Jun 2014
[PTG/PP/76/Jld. 63(16) dlm.(6)]

ROSEFIHAN BIN OTHMAN
*Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

No. 538.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan surat hakmilik keluaran sementara yang telah hilang/rosak.

JADUAL

Mukim—16, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. No. Lot—3936.
Jenis dan No. Hakmilik—H.S.D. 49485. Luas—113.0 meter persegi.

Bertarikh 10 Jun 2014
[PTGPP/PHMT/620(33) dlm.(5)]

ROSEFIHAN BIN OTHMAN
*Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

No. 539.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan surat hakmilik keluaran sementara yang telah hilang/rosak.

JADUAL

Mukim—11, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. No. Lot—3559. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.D. 16753. Luas—596.5109 meter persegi.

Bertarikh 10 Jun 2014
[PTGPP/PHMT/620(34) dlm.(6)]

ROSMAN BIN OTHMAN
*Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

No. 540.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang/rosak.

JADUAL

Bandar—Jelutong, Seksyen 3, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. No. Lot—1022. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 1487. Luas—496.6434 meter persegi.

Bertarikh 16 Jun 2014
[PTG/PP/76/Jld. 63(17) dlm.(6)]

ROSMAN BIN OTHMAN
*Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

No. 541.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang/ rosak.

JADUAL

Bandar—Jelutong, Seksyen 3, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. No. Lot—1023. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 1488. Luas—645.3763 meter persegi.

Bertarikh 16 Jun 2014
[PTG/PP/76/Jld. 63(18) dlm.(6)]

ROSEFIHAN BIN OTHMAN
*Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

No. 542.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang/ rosak.

JADUAL

Mukim—7, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. No. Lot—1688. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 33574. Luas—3.076 hektar.

Bertarikh 16 Jun 2014
[PTG/PP/76/Jld. 63(20) dlm.(7)]

ROSEFIHAN BIN OTHMAN
*Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

No. 543.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang/ rosak.

JADUAL

Bandar—Georgetown, Seksyen 2, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. No. Lot—1541. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 9618. Luas—154.214 meter persegi.

Bertarikh 16 Jun 2014
[PTG/PP/76/Jld. 63(21) dlm.(5)]

ROSFIHAN BIN OTHMAN
*Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

No. 544.

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN BERSYARAT YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bersyarat bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan surat hakmilik keluaran sementara yang telah hilang/rosak.

JADUAL

Mukim—1, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. No. P.T.—3309. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(D) 4753. Luas—173.0 meter persegi.

Bertarikh 16 Jun 2014
[PTG/PP/76/Jld. 63(19) dlm.(8)]

NURHAFIZA BINTI AHMAD
*b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

No. 545.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Lai Kim Kee dan Ng Ah Chye yang beralamat di 18 Lorong Desa Permai 2, Taman Desa Permai, 14300 Nibong Tebal, Pulau Pinang, Pulau Pinang, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian tersebut suatu permohonan supaya perintah jualan dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Selatan pada 4 Ogos 2014 pukul 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—7, Seberang Perai Selatan. No. Lot—7365. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1725. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 0703SC2008002192.

Bertarikh 10 Jun 2014
[07013AUC2014000019]

SHAARI BIN HUSSAIN
Pentadbir Tanah
Seberang Perai Selatan
Bukit Mertajam
Pulau Pinang

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA